




**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
KM 1 JALAN PANTAI, 71009 PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**IKLAN KEKOSONGAN TAPAK PENJAJA SUNGAI SEGUNI**

Majlis Perbandaran Port Dickson ingin menawarkan **Penyewaan Tapak Penjaja Sungai Seguni** kepada pihak yang berminat. Butiran adalah seperti berikut :-

Tajuk	Penyewaan Tapak Penjaja Sungai Seguni (Lokasi : Batu 3 Jalan Pantai, Bersebelahan Golden Straits Villa (GSV))
Pelan Lokasi	Gambar  
Sila Rujuk <b><u>Lampiran A</u></b> - Syarat-Syarat Permohonan dan Kandungan Kertas Cadangan Pengurusan Kawasan	
Arahan kepada Pemohon	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Borang Permohonan perlu diisi secara atas talian (online) dengan mengikuti arahan yang tertera di laman sesawang <b><i>mymppd.mppd.gov.my/mymppd</i></b></li><li>2. Kertas Cadangan Penyewaan perlu dikemukakan ke <b><i>Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta sebelum atau pada 11 Disember 2023, jam 5.00 petang.</i></b></li><li>3. Pemohon diminta untuk menyemak status permohonan dari semasa ke semasa di dalam sistem online tersebut.</li></ol>
Penghantaran Dokumen Cadangan	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Port Dickson Tingkat 2, Bangunan Terminal Bas Port Dickson 71000 Port Dickson Negeri Sembilan Darul Khusus
Tarikh Tutup Permohonan	<b>11 DISEMBER 2023 (ISNIN)</b>

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pn. Norazian Razali, Pn. Nur Zaeffidah Zainal, En. Izzarul Afiq Ibrahim atau Pn. Siti Asnira Abu Bakar, Jabatan Penilaian Pengurusan Harta, MPPD di talian 06 – 646 2057 sambungan 226/227.

**Tarikh Kenyataan Tawaran : 30 November 2023**

## LAMPIRAN A

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN KANDUNGAN KERTAS CADANGAN PENGURUSAN KAWASAN

1. Pemohon merupakan individu atau syarikat-syarikat bumiputera yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk pengurusan yang dicadangkan serta masih sah untuk menyertai tawaran.
2. Menyediakan Kertas Cadangan dengan menyatakan pelan perancangan pengurusan Tapak Penjaja Sungai Seguni **SECARA TERPERINCI** merangkumi perkara-perkara seperti berikut :-
  - 2.1 Menyatakan cadangan tempoh penyewaan dan kadar sewaan bulanan yang ditawarkan kepada pihak Majlis ;
  - 2.2 Mencadangkan konsep yang akan dilaksanakan di tapak dan konsep adalah bebas mengikut kreativiti masing-masing tetapi perlulah unik, moden dan bersesuaian dengan lokasi ;
  - 2.3 Perancangan dari segi pengurusan saluran/bahan buangan, pembersihan kawasan, penyelenggaraan, lanskap, promosi, papan tanda dan lain-lain yang berkaitan ;
  - 2.4 Perancangan dari segi pengurusan teknikal berkaitan bekalan utiliti (elektrik/air/sistem pencahayaan) dan segala perbelanjaan serta bil berkaitan telah diambil kira dalam cadangan yang bakal dikemukakan ;
  - 2.5 Penyediaan kemudahan awam seperti tandas awam, tempat letak kereta, Surau dan lain-lain keperluan mengikut kesesuaian tapak ;
  - 2.6 Penerangan berkaitan ciri-ciri kawalan keselamatan (keluar-masuk lalu lintas, insurans, alat kawalan pemadam api dan lain-lain yang berkaitan) ; dan
  - 2.7 Perincian berkaitan kos keseluruhan cadangan, rekod kemampuan tenaga kerja (warga asing tidak dibenarkan) dan sumber kewangan syarikat dalam merealisasikan pelan perancangan tersebut.
3. Kawasan pengurusan Tapak Penjaja Sungai Seguni melibatkan kawasan sedia ada bertar sahaja dengan keluasan lebih kurang 39 meter x 45 meter.
4. Dokumen wajib yang perlu disertakan adalah :-
  - 4.1 Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah tempoh (SSM) ;
  - 4.2 Salinan Penyata Kewangan ;
  - 4.3 Salinan Kad Pengenalan bagi pemohon individu ;
  - 4.4 2 keping gambar berukuran pasport ;
  - 4.5 Salinan Bil Cukai Taksiran Kediaman ;